

(To view the Bahasa Melayu version of the Privacy Notice, please scroll below/ Untuk melihat versi Bahasa Melayu bagi Notis Privasi ini, sila rujuk di bahagian bawah)

PRIVACY NOTICE

As part of AmBank Group's day to day business, we collect your Personal Information when you apply to open an account with us, subscribe to any of our products or services or communicate with us. In return, we may use this information to provide you with our products or services, maintain our records or send you relevant information.

Under the Personal Data Protection Act 2010 ('PDPA'), we are required to inform you:

- (i) of the type of Personal Information we collect and how we collect it;
- (ii) how we use your Personal Information;
- (iii) the parties that we disclose the Personal Information to;
- (iv) the choices you have with regards to the extent of Personal Information you provide;
- (v) the difference between information that is considered mandatory or optional; and
- (vi) how you access and update your Personal Information.

Your privacy is therefore important to us and we are committed to protecting your Personal Information by collecting and using your Personal Information in accordance with the PDPA. For the purposes of this Privacy Notice, please note that:

- "AmBank Group" refers to AMMB Holdings Berhad and all its direct and indirect subsidiaries, including, but not limited to: AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmInvestment Management Sdn Bhd, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad, AmLife Insurance Berhad and AmFamily Takaful Berhad.
- "Personal information" refers to any information which relates directly or indirectly to you and/or your transactions with us. This information may include your name, NRIC number, address, occupation, contact details, details of your account(s), the type of products and/or services subscribed to and such other necessary information regarding yourself and your transaction(s) including Sensitive Personal Information.
- "Sensitive Personal Information" refers to information relating to your health, political opinions, religious beliefs etc.

1. The Kind Of Personal Information We Collect And How We Collect It

In order to enable us deal with your inquiries, open and operate an account/facility/insurance policy for you or to provide you with our products and services, we may be required to collect, use, disclose and store (i.e. "process") your personal and/or financial information. Such personal and/or financial information is required amongst others to:

- a. establish your personal identification and background;
- b. establish your financial standing and creditworthiness where required;
- c. establish the condition of your health if you wish to procure insurance policies offered by us; and/or
- d. supply you with any of our products and/or services applied for.

We may also obtain the above information about you from the following sources:

- a. Your relationship with us, for example information provided by you in application forms when using our products or services, when transacting on your accounts, when using our online or electronic services, when taking part in customer surveys, competitions, promotions and during performance of financial reviews;
- b. Your verbal, written and/or electronic communications with us or our authorised agents;
- c. Third parties connected with you, such as your employer, joint account holder, security providers and guarantor(s) subject to your prior consent;

- d. Analysis of the way you use and manage your account(s)/facility(ies)/insurance policy(ies) with us;
- e. Your access and use of our services, transactions you make and payments effected through your account(s)/facility(ies)/insurance policy(ies); and/or
- f. Any other sources which you have given your consent to disclose information relating to you and/or where not otherwise restricted.

The Personal Information we collect can be either mandatory or optional. Mandatory Personal Information are your information that we require so that we can provide you with the required products and services. If you do not provide us with the mandatory Personal Information, we will not be able to provide you with those products and services. Optional Personal Information are your information that are not obligatory to be provided to us. If you do not wish to provide your optional Personal Information, you may still apply for our products and services. Mandatory and voluntary Personal Information may differ for our various products and services and these will be indicated in the application forms of our products and services.

2. How We Use Your Personal Information

Other than as stated above, we may use your Personal Information for one or more of the following purposes:

- a. Access and manage your application(s) for our products and services so that we can provide you with more and up to-date information such as improvements and new features to the existing products and services, development of new products and services, competitions, promotions and offers from third parties through tie-ups with the AmBank Group which may be of interest to you;
- b. Manage and maintain your account(s)/facility(ies)/insurance policy(ies) through regular updates, consolidation and improving the accuracy of our records. In this manner we can respond to your enquiries, complaints and to generally resolve disputes quickly so that we can improve our business and your relationship with us;
- c. Conduct research for analytical purposes, data mining and analyses of your transactions /use of products and services to better understand your current financial/investment position and future needs. We will also produce data, reports and statistics from time to time, however such information will be aggregated so that your identity will remain confidential. Sometimes it may be necessary if required, to verify your financial standing through credit reference/reporting checks;
- d. Comply with the requirements of any law binding on us such as conducting anti-money laundering checks, crime detection/prevention, prosecution, protection or enforcement of our rights to recover any debt owing to us including transferring or assigning our rights, interests and obligations under any of your agreement with us;
- e. Perform shared services within AmBank Group such as audit, compliance, legal, human resource, risk management including assessing financial and insurance risks;
- f. Outsourcing of business and back-room operations within AmBank Group; and
- g. Any other purpose(s) that is required or permitted by any law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities.

We will seek your consent before using your Personal Information for a purpose other than those that are set out in this Privacy Notice and/or in the terms of any of your agreement (s) with the AmBank Group.

3. Disclosure Of Your Personal Information

As part of providing you with our products and services we may be required to disclose certain information about you and/or your accounts, facility(ies) and/or insurance policy(ies) with us to the following third parties:

- a. our agents, service providers, vendors and /or professional advisers who assist us in processing, administering, fulfilling transactions or providing value added services that you have requested;
- b. any person authorized or appointed by you to give instructions to us on your behalf such as your agents, accountants, auditors, lawyers, financial advisers, brokers and intermediaries;
- c. any guarantor(s), security provider(s) or any person(s) intending to settle any moneys outstanding under the facility(ies) granted by us to you;
- d. any person(s) connected to the enforcement or preservation of any of our rights or transferring the rights and obligations under your agreement(s) with us;
- e. any third party(ies) arising from the restructuring of facility(ies) granted to you, sale of debts, acquisition or sale of any company by AmBank Group provided that the recipient uses your information for the same purpose(s) as it was originally supplied to us and/or used by us;
- f. other financial institution(s) for the purpose of fulfilling the transactions required by you;
- g. merchants and electronic fund transfer facilitators related to any credit/debit card(s) issued to you by us;
- h. any rating agency(ies), credit reporting agencies, insurer(s), insurance broker(s), re-insurers or direct/indirect provider(s) of credit protection and in the event of default of a facility granted to you, to debt collection agencies; and/or
- i. any competent authority(ies) and/or regulator(s), including foreign regulator(s) for the performance of their functions, subject at all times to any laws, including foreign laws applicable to the AmBank Group.

Otherwise, we will not disclose your information to others, except where:

- a. you have opted-in for purposes of marketing of third party products;
- b. you have not opted-out for receiving marketing material(s) from AmBank Group;
- c. we are required or permitted to do so by law;
- d. required or authorised by any order of court, tribunal or authority, whether governmental or quasi-governmental with jurisdiction over AmBank Group
- e. we may transfer rights and obligations under our agreement(s) with you; and/or
- f. we are required to meet our obligations to any relevant regulatory authority.

But rest assured, that at all times, we'll respect and protect the privacy and confidentiality of your personal information.

4. Security Of Your Personal Information

We place great importance in ensuring the security and confidentiality of your Personal Information and regularly review and implement up-to-date technical and organizational security measures when processing your Personal Information. Further information on security controls is available at our Website Security Statement at www.ambankgroup.com.

5. Retention Of Personal Information

Your Personal Information will be retained in compliance with this Privacy Notice and /or the terms and conditions of your agreement(s) with any AmBank Group entity for the duration of your relationship or for such period as may be necessary to protect the interest of both AmBank Group and you. Such retention is also necessary as required by law or in accordance with our internal policies.

6. Your Rights To Access And Correct Personal Information

If you wish to access and/or make changes to your Personal Information, you can make a request using our Data Access Request Form or Data Correction Request Form. These forms are available at all our branches as well as our website, www.ambankgroup.com and we will endeavour to comply with your request to access and/or correct your Personal Information within 21 days of receiving your completed form and the relevant processing fees.

Please note that we may withhold access to your Personal Information in certain situations, for example when we are unable to confirm your identity, where the information requested is of a confidential commercial nature or when there are repeated requests for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reason(s) for not being able to accede to your request. We may also request for more documentary evidence to avoid incidence of fraud and/or inaccurate information.

In order to enable us serve you better, we seek your assistance to continuously keep your Personal Information up to-date.

7. Where The Personal Information Provided By You Is Incomplete

It may be obligatory for you in some instances to provide certain Personal Information to enable us to process your application, open an account or subscribe to some of our products or services. If you are unable to or decline to provide such obligatory Personal Information, we may not be able to process your application or provide you with the said products or services.

8. Exercising Your Choice In Respect Of The Disclosure And Use Of Your Personal Information For Purposes Of Marketing

You may exercise your choice in respect of the disclosure and use of your Personal Information with us. In the event you choose not to receive any marketing material(s) from us or any of our third party business partners, you may either (i) contact us at the contact details provided below; or (ii) by choosing to opt out from receiving marketing material, a choice provided for in the relevant application/proposal forms of our products or services.

Please note that:

- irrespective of the choice you make in relation to the above, you may still contact us subsequently through the channels provided below in order to change your choice. Your latest choice communicated to us will apply. We shall update your most recent marketing preference in our database within a reasonable period of time after we receive the communication of your choice;
- we will not be able to remove your Personal Information from the databases of third party business partners with whom we have already shared your Personal Information, when you have opted-in earlier;
- certain communications such as our statements of account, correspondence and websites may contain standard information regarding our other products and services that cannot be removed without affecting the delivery/provision of our services and/or products, the operation of your account(s) and/or facility(ies) with us, and/or additional costs to you.

9. Revisions To The Privacy Notice

Our Privacy Notice may be revised from time to time and if there is/are any revision(s), it will be posted on our website and/or other means of communication deemed suitable by us. However any revision(s) will be in compliance with PDPA.

10. Enquiries/Complaints

If you have any enquiries or complaints concerning this Privacy Notice, you may contact:

Designation: Customer Service Officer
Department: AmBank Contact Centre
Telephone: 1300-80-8888 (domestic) / 03-2178 8888 (overseas)
Address: P.O. Box No 12617
50784 Kuala Lumpur.
E-mail: customercare@ambankgroup.com

NOTIS PRIVASI

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari-ke-hari Kumpulan AmBank, kami mengumpul Maklumat Peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan kami, mengekalkan rekod kami atau menghantar maklumat yang relevan kepada anda.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('**APDP**'), kami dikehendaki untuk memaklumkan kepada anda:

- (i) tentang jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan serta cara kami mengumpul maklumat peribadi tersebut;
- (ii) bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- (iii) pihak-pihak yang kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada;
- (iv) pilihan anda mengenai tahap Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- (v) perbezaan antara maklumat yang dianggap mandatori atau pilihan; dan
- (vi) cara anda mengakses dan mengemaskinikan Maklumat Peribadi anda.

Privasi anda, oleh itu adalah penting kepada kami dan kami komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dengan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda menurut APDP. Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- "**Kumpulan AmBank**" merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak-anak syarikatnya yang secara langsung dan tidak langsung, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmInvestment Management Sdn Bhd, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad, AmLife Insurance Berhad dan AmFamily Takaful Berhad.
- "**Maklumat Peribadi**" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama anda, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, butiran untuk menghubungi anda, butiran akaun anda, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan dan apa-apa maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan transaksi anda termasuk Maklumat Peribadi Sensitif.
- "**Maklumat Peribadi Sensitif**" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan anda, pendapat politik, kepercayaan agama dll.

1. Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan Serta Cara Kami Mengumpulnya

Untuk membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun/fasiliti/polisi insurans untuk anda atau untuk menyediakan anda dengan produk dan

perkhidmatan kami, kami mungkin perlu mengumpul, mengguna, mendedah dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi dan/atau maklumat kewangan anda. Maklumat peribadi dan/atau kewangan tersebut diperlukan antara lain untuk:

- a. mengesahkan identiti peribadi dan latar belakang anda;
- b. mengesahkan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda di mana perlu;
- c. mengesahkan keadaan kesihatan anda jika anda ingin mendapatkan polisi insurans yang ditawarkan oleh kami; dan/atau
- d. membekalkan anda dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami yang dipohon.

Kami mungkin juga mendapatkan maklumat tersebut di atas dari sumber yang berikut:

- a. Perhubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila berurus niaga menggunakan akaun anda, apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian (*online*) atau elektronik kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan, promosi dan semasa semakan kewangan;
- b. Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik anda dengan kami dan/atau ejen yang diberi kuasa oleh kami;
- c. Pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, penyedia sekuriti dan penjamin anda, tertakluk kepada persetujuan terdahulu anda;
- d. Analisis cara anda menggunakan dan mengurus akaun/fasiliti/polisi insurans anda dengan kami;
- e. Akses dan penggunaan perkhidmatan kami oleh anda, transaksi yang anda buat dan dari bayaran yang dibuat kepada/daripada akaun/fasiliti/polisi insurans anda; dan/atau
- f. Sumber lain yang anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ia sebaliknya tidak dihadkan.

Maklumat peribadi yang kami kumpulkan mungkin adalah mandatori atau pilihan. Maklumat Peribadi mandatori adalah maklumat anda yang kami perlukan supaya kami dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang diperlukan. Sekiranya anda tidak menyediakan kami dengan Maklumat Peribadi mandatori, kami tidak akan dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan tersebut. Maklumat Peribadi pilihan adalah maklumat anda yang tidak wajib untuk diberikan kepada kami. Jika anda tidak ingin menyediakan Maklumat Peribadi pilihan anda, anda masih boleh memohon untuk produk dan perkhidmatan kami. Maklumat Peribadi mandatori dan pilihan mungkin berbeza untuk pelbagai produk dan perkhidmatan kami dan ini akan dinyatakan di dalam borang permohonan untuk produk dan perkhidmatan kami.

2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain dari yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk satu atau lebih tujuan berikut:

- a. Mengakses dan menguruskan permohonan anda untuk produk dan perkhidmatan kami supaya kami dapat memberi anda maklumat yang lebih banyak dan terkini seperti peningkatan dan ciri-ciri baru kepada produk dan perkhidmatan yang sedia ada, pembangunan produk dan perkhidmatan baru, pertandingan, promosi dan tawaran daripada pihak ketiga melalui kerjasama dengan Kumpulan AmBank yang mungkin menarik minat anda;

- b. Mengurus dan mengekalkan akaun/fasiliti/polisi insurans anda melalui pengemaskinian yang kerap, penyatuan dan meningkatkan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini kami boleh membalas pertanyaan, aduan anda dan untuk secara amnya menyelesaikan pertikaian dengan pantas supaya kami boleh meningkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- c. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan analisis transaksi/penggunaan produk dan perkhidmatan oleh anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan terkini anda serta keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari masa ke semasa, bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregat supaya identiti anda akan kekal sulit. Kadang-kala ia mungkin perlu, jika dikehendaki, untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui pemeriksaan rujukan kredit/pelaporan;
- d. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat kami seperti mengadakan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan/pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan atau penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan apa-apa yang terutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahkan, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- e. Melaksanakan perkhidmatan perkongsian (shared services) dalam Kumpulan AmBank seperti audit, pematuhan, perundangan, sumber manusia, pengurusan risiko termasuk menilai risiko kewangan dan insurans;
- f. Penyumberan luar perniagaan dan operasi bilik belakang (*back-room*) dalam Kumpulan AmBank; dan
- g. Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa pengawal selia yang berkaitan.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/atau dalam terma mana-mana perjanjian anda dengan Kumpulan AmBank.

3. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda kami mungkin diperlukan untuk mendedahkan maklumat mengenai anda dan/atau akaun, fasiliti dan/atau polisi-polisi insurans anda dengan kami kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut:

- a. ejen-ejen, pembekal perkhidmatan, vendor dan/atau penasihat profesional kami yang membantu kami dalam pemprosesan, pentadbiran, memenuhi transaksi atau menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang dipinta oleh anda;
- b. mana-mana pihak yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada kami bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker dan pengantara anda;
- c. mana-mana penjamin, penyedia sekuriti, atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah fasiliti yang diberikan oleh kami kepada anda;
- d. mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami atau pemindahan hak-hak dan obligasi di bawah perjanjian anda dengan kami;
- e. mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada penyusunan semula fasiliti yang yang diberikan kepada anda, penjualan hutang, pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan AmBank dengan syarat penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama ia pada asalnya dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;

- f. institusi kewangan yang lain bagi tujuan memenuhi transaksi yang diperlukan oleh anda;
- g. peniaga dan fasilitator pemindahan dana elektronik yang berkaitan dengan mana-mana kad kredit/debit yang dikeluarkan kepada anda oleh kami;
- h. mana-mana agensi penarafan, agensi-agensi laporan kredit, syarikat insurans, broker insurans, syarikat insurans semula atau pembekal perlindungan kredit secara langsung/tidak langsung dan sekiranya berlaku keingkaran terhadap fasilititi yang diberikan kepada anda, kepada agensi-agensi kutipan hutang; dan/atau
- i. mana-mana pihak berkuasa berwibawa dan/atau pengawal selia, termasuk pengawal selia asing bagi pelaksanaan fungsi mereka, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang, termasuk undang-undang asing yang berhubung kait dengan Kumpulan AmBank.

Sebaliknya, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa, kecuali di mana:

- a. anda telah memilih-masuk (opt-in) untuk tujuan pemasaran bagi produk-produk pihak ketiga;
- b. anda telah tidak memilih untuk memilih-keluar (opt-out) dari menerima bahan pemasaran daripada kami (yang selanjutnya diterangkan di perenggan 8 di dalam ini);
- c. kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- d. dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan AmBank;
- e. kami mungkin memindahkan hak dan obligasi di bawah perjanjian-perjanjian kami dengan anda; dan / atau
- f. kami diperlukan untuk memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa pengawal selia yang berkenaan.

Tetapi sila yakin, bahawa pada setiap masa, kami akan menghormati dan melindungi privasi dan kesulitan maklumat peribadi anda.

4. Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami meletakkan kepentingan yang amat dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Maklumat Peribadi anda dan kerap mengkaji semula dan melaksanakan pengemaskinian langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi apabila memproses Maklumat Peribadi anda. Maklumat lanjut mengenai kawalan keselamatan boleh didapati di Penyata Keselamatan Laman Web kami di www.ambankgroup.com.

5. Penyimpanan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan disimpan selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan mana-mana entiti Kumpulan AmBank bagi tempoh perhubungan anda atau tempoh yang diperlukan untuk melindungi kepentingan kedua-dua Kumpulan AmBank dan anda. Penyimpanan tersebut juga adalah diperlukan di mana dikehendaki oleh undang-undang atau mengikut dasar-dasar dalaman kami.

6. Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi

Jika anda ingin mengakses dan/atau membuat pembetulan kepada Maklumat Peribadi anda, anda boleh membuat permintaan melalui Borang Permintaan Akses Maklumat atau Borang Permintaan Pembetulan Maklumat kami. Borang-borang ini boleh didapati di kesemua cawangan kami dan juga

laman web kami, www.ambankgroup.com dan kami akan berusaha untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam tempoh 21 hari dari penerimaan permintaan anda yang lengkap dan yuran pemprosesan yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu menahan akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta bersifat komersial yang sulit atau sekiranya terdapat permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda akan sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda. Kami juga boleh meminta untuk dokumen keterangan yang lanjut untuk mengelakkan kejadian penipuan (*fraud*) dan/atau maklumat yang tidak tepat. Untuk membolehkan kami memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami memohon bantuan anda untuk sentiasa mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

7. Di Mana Maklumat Peribadi Yang Disediakan Oleh Anda Adalah Tidak Lengkap

Ia mungkin wajib untuk anda dalam sesetengah keadaan untuk menyediakan Maklumat Peribadi tertentu untuk membolehkan kami memproses permohonan anda, membuka akaun atau melanggan kepada beberapa produk atau perkhidmatan kami. Jika anda tidak dapat atau enggan memberikan mana-mana Maklumat Peribadi wajib tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan tersebut.

8. Membuat Pilihan Berkaitan Pendedahan Dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda Untuk Tujuan Pemasaran

Anda boleh membuat pilihan anda berkenaan dengan pendedahan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda dengan kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran daripada kami atau dari mana-mana rakan kongsi perniagaan pihak ketiga kami, anda boleh sama ada (i) menghubungi kami di maklumat perhubungan yang diberikan di bawah; atau (ii) dengan memilih untuk memilih-keluar daripada menerima bahan pemasaran, iaitu pilihan yang disediakan di dalam borang permohonan/cadangan berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami.

Sila ambil perhatian bahawa:

- tidak kira pilihan yang anda buat dalam perkara tersebut di atas, anda masih boleh menghubungi kami seterusnya melalui saluran yang disediakan di bawah untuk menukar pilihan anda. Pilihan terkini yang disampaikan kepada kami akan diguna pakai. Kami akan mengemaskini keutamaan pemasaran terkini anda dalam pangkalan data kami dalam tempoh yang munasabah selepas kami menerima komunikasi pilihan anda;
- kami tidak akan dapat menghapuskan Maklumat Peribadi anda dari pangkalan data rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dengan siapa kami telah berkongsi Maklumat Peribadi anda, apabila anda telah memilih-dalam sebelum ini;
- komunikasi tertentu seperti penyata akaun, surat-menyurat dan laman web kami mungkin mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian akaun dan/atau fasiliti anda dengan kami, dan/atau tanpa kos tambahan kepada anda.

9. Pindaan Kepada Notis Privasi

Notis Privasi kami boleh dipinda dari masa ke semasa dan jika ada/terdapat sebarang pindaan, ia akan dipaparkan di laman web dan/atau apa-apa cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami. Walau bagaimanapun, apa-apa pindaan akan mematuhi APDP

10. Pertanyaan/Aduan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi:

Jawatan: Pegawai Khidmat Pelanggan

Jabatan: Pusat Panggilan AmBank

Telefon: 1300-80-8888 (tempatan) / 03-2178 8888 (luar negara)

Alamat: P.O. Box No 12617

50784 Kuala Lumpur

E-mel: customercare@ambankgroup.com